

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **Kajian Toleransi Sosio Agama di Sabah dan Sarawak**

Oleh

**Dr Ahmad Tarmizi Talib**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kajian mengenai toleransi agama di Malaysia penting dalam usaha memahami hubungan antara penganut agama serta menilai semangat toleransi yang dipraktikkan dalam kehidupan harian mereka. Kepelbagaian agama anutan menjadikan aspek toleransi penting dalam kehidupan. Toleransi boleh dilihat sebagai sikap untuk hidup bersama dalam sebuah masyarakat yang terdiri daripada penganut pelbagai agama, serta memiliki kebebasan untuk mengamalkan ritual agama masing-masing, tanpa adanya paksaan dan tekanan.

#### **1.2 Tujuan Kajian**

- i.** Kajian ini dibuat bertujuan mendalami tahap toleransi sosio-agama di Sabah dan Sarawak.
- ii.** Secara spesifiknya, kajian ini bertujuan untuk: (i) mengenalpasti persepsi terhadap toleransi agama, (ii) mengenalpasti sikap terhadap toleransi agama, (iii) mengenalpasti tahap kesediaan terhadap toleransi agama, (iv) mengenalpasti pendapat umum terhadap toleransi agama, (v) mengenalpasti pengamalan terhadap toleransi agama dan (vi) mengenalpasti pengalaman toleransi agama.

#### **1.3 Skop Kajian**

Kajian ini telah dijalankan di Sabah iaitu sekitar kawasan Kota Kinabalu, Papar, Kota Samarahan dan Sarawak iaitu di Kuching, Miri dan Bintulu. Kajian ini hanya fokus di kawasan bandar dan pinggir bagi setiap kawasan kajian. Ia tertumpu kepada persepsi, sikap, kesediaan, pengamalan, tingkahlaku dan pendapat umum responden terhadap toleransi sosio agama.

#### **1.4 Metodologi Kajian**

- i. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah survei (tinjauan). Bagi kaedah ini, instrumen dibina berdasarkan literatur sedia ada.
- ii. Pengukuran tahap toleransi sosio-agama adalah berdasarkan enam domain utama, iaitu kepada persepsi, sikap, kesediaan, pengamalan, tingkah laku dan pendapat umum responden terhadap toleransi sosio agama. Kesemua bahagian akan melihat tahap daripada pembolehubah tersebut.
- iii. Pengiraan tahap toleransi adalah berasaskan jumlah skor dan min pada setiap bahagian.
- iv. Sebanyak 400 orang responden yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur terlibat dalam kajian ini.
- v. Teknik persampelan rawak mudah berstrata diaplikasikan dalam kajian ini. Ratio agama secara keseluruhan di aplikasikan dalam menentukan jumlah responden. Sampel kajian adalah terdiri dari Islam Kristian dan Buddha dalam nisbah 6:3:1.
- vi. Analisis deksriptif digunakan untuk menganalisis hasil kajian dengan melihat kepada frekuensi dan juga peratus bagi setiap pemboleh ubah. Nilai skor dan min bagi enam pembolehubah yang utama juga dikira bagi mendapatkan data yang tepat.

#### **1.5 Dapatan Kajian**

- i. Hasil kajian menunjukkan masyarakat di Sabah (98.0%) dan Sarawak (98.0%) mempunyai persepsi yang amat positif terhadap toleransi sosio-agama.
- ii. Seterusnya, sikap terhadap toleransi sosio-agama di Sabah dan Sarawak berada pada tahap tinggi. Majoriti daripada responden di kedua-dua negeri mempunyai tahap sikap terhadap toleransi yang amat tinggi iaitu 91.5%.
- iii. Tahap kesediaan yang tinggi ditunjukkan oleh responden terhadap toleransi sosio-agama di Sabah dan Sarawak masing-masing berada pada tahap tinggi iaitu (92.5%). Hasil ini jelas menunjukkan responden yang dikaji sudah bersedia untuk bertoleransi dengan mereka yang berlainan agama.
- iv. Respon kepada persoalan mengenai kegembiraan mereka tinggal dalam masyarakat multi agama, serta persoalan adakah mereka merasa selamat,

menunjukkan skor pada kedudukan tinggi iaitu Antara soalnya ialah adakah gembira tinggal di dalam masyarakat yang multi agama dan adakah merasa selamat tinggal dalam masyarakat multi agama. Secara keseluruhannya skor mengenai pendapat umum yang diperolehi adalah tinggi iaitu 90.0%.

- v. Pengalaman terhadap toleransi sosio-agama turut ditanya kepada responden iaitu sama ada responden pernah menerima undangan majlis perkahwinan, rumah terbuka ketika raya atau dikhabarkan mengenai kematian kenalan yang berbeza agama. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden iaitu 62.0% berada pada tahap tinggi, diikuti 32.3% pada tahap sederhana dan selebihnya pada tahap rendah. Ini menunjukkan responden mempunyai pengalaman terhadap toleransi sosio agama.
- vi. Hasil kajian mengenai tingkahlaku terhadap toleransi mendapati skor berada pada tahap tinggi iaitu 61.2%, diikuti 36.19% pada tahap sederhana. Antara soalan bagi mengukur tingkah laku terhadap toleransi sosio-agama ialah adakah responden pernah menghadiri undangan majlis perkahwinan, rumah terbuka anjuran kenalan ketika raya dan menziarahi kematian kenalan yang berbeza agama.
- vii. Analisis menunjukkan skor bagi setiap tahap domain adalah tinggi. Hasil kajian membuktikan bahawa tahap persepsi terhadap toleransi sosio-agama secara keseluruhan dalam kalangan responden adalah positif.
- viii. Kajian ini juga menunjukkan kesediaan yang tinggi oleh responden daripada Sabah dan Sarawak untuk bertoleransi antara pelbagai agama. Ia memberi gambaran umum dengan bukti empirikal bahawa tahap toleransi sosio-agama di Sabah dan Sarawak berada pada tahap tinggi.
- ix. Berdasarkan kepada jumlah skor untuk enam pemboleh ubah iaitu nilai min untuk persepsi adalah (21.68), sikap (21.75), kesediaan (21.93), pendapat umum (12.75), pengalaman (19.32) dan tingkah laku (18.75). Min bagi keseluruhan indeks bagi pengukuran toleransi sosio agama ialah (116.18). Ini menunjukkan indeks skor keseluruhan toleransi antara agama di Sabah dan Sarawak berada di sebelah kanan iaitu ke arah positif dan tinggi.

## **1.6 Saranan**

- i.** Sikap ini harus dicontohi oleh masyarakat Semenanjung Malaysia memandangkan tahap toleransi sosio agama yang amat tinggi di Sabah dan Sarawak.
- ii.** Sehubungan itu, resepi atau rahsia tahap toleransi agama di Sabah dan Sarawak harus dikaji dengan lebih mendalam.
- iii.** Resepi ini boleh dijadikan model untuk pembinaan sebuah masyarakat Malaysia yang aman.
- iv.** Dapatan kajian ini juga berkemungkinan disebabkan oleh tiada kumpulan majoriti di Sabah dan Sarawak seperti di Semenanjung Malaysia.
- v.** Persoalannya, benarkah dengan ketiadaan kumpulan etnik majoriti di Sabah dan Sarawak menyebabkan tahap toleransi mereka amat tinggi harus dikaji.
- vi.** Apa yang paling jelas ialah tahap toleransi di Sabah dan Sarawak harus dicontohi.

### **Senarai Nama Penyelidik**

Dr. Ahmad Tarmizi Talib (Ketua Penyelidik)

Prof. Dr. Jayum A. Jawan

Prof. Madya. Dr. Zaid Ahmad

Prof. Madya. Dr. Sarjit Singh Darshan Singh

Dr. Hakim Mohad @ Mohamad Ramli

Dr. Fatahyah Yahya

Cik Nur Ayuni Mohd Isa